



KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2006/2007

NAMA MATA PELAJARAN : PSIKOLOGI REMAJA

KOD MATA PELAJARAN : BBE 2072

KURSUS : SARJANA MUDA PENDIDIKAN
TEKNIK DAN VOKASIONAL

TARIKH PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2006

JANGKA MASA : 2 JAM

ARAHAN : **JAWAB SEMUA SOALAN
DALAM KERTAS SOALANINI**

NAMA : _____

NO. MATRIK : _____

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI 11 MUKA SURAT

BAHAGIAN A

Arahan: Jawab **semua** soalan dalam Bahagian ini dengan membulatkan jawapan yang anda pilih.

- S1 Mengikut pendapat anda yang mana satu daripada kaedah berikut tidak menepati cara melayani dan mengatasi pergolakan jiwa remaja.
- A Ibu bapa dan guru hendaklah mengawal pilih kasih semasa membimbang remaja.
 - B Ibu bapa bertanggungjawab memberi didikan agama secukupnya kepada anak-anak.
 - C Mewujudkan komunikasi yang baik di antara ibu bapa dengan anak-anak.
 - D Jangan meletakkan harapan terlalu tinggi kepada anak-anak, hanya setakat sesuai dengan kebolehan remaja itu sendiri.
- S2 Berikut terdapat beberapa kaedah bagaimana anda sebagai seorang pengajar dapat memainkan peranan dalam menolong pelajar anda membentuk konsep kendiri yang positif dan memupuk nilai-nilai diri yang tinggi bagi tujuan mencapai kejayaan dalam bidang akademik dan juga kurikulum kecuali
- A menggalakkan interaksi positif di kalangan rakan sebaya.
 - B memupuk nilai-nilai yang baik daripada rakan sebaya dan pengajar.
 - C memberi dorongan, bantuan dan sokongan kepada usaha pembelajarannya.
 - D menghadkan peluang untuk pelajar memainkan peranan yang penting.
- S3 Mengikut Abraham Maslow keperluan boleh dikategorikan kepada dua, iaitu Keperluan Fisiologi dan Keperluan Psikologi. Berikut adalah antara komponen daripada kedua-dua kategori tersebut yang dikelompokkan mengikut Keperluan Fisiologi dan Keperluan Psikologi kecuali:
- I makan.
 - II keselamatan.
 - III oksijen.
 - IV kasih sayang.
- A I dan III sahaja
 - B II dan IV sahaja
 - C III dan IV sahaja
 - D Tiada jawapan di atas

S4 Manakah antara berikut menerangkan tentang Naluri manusia?

- I Mendorong manusia untuk menyiasat, mencuba dan meneroka.
 - II Ia tidak timbul apabila seseorang itu dilahirkan.
 - III Wujud apabila individu itu menghadapi keadaan yang merbahaya.
 - IV Menggerakkan seseorang individu untuk melakukan sesuatu yang telah dilakukan oleh orang lain.
-
- A I dan II sahaja.
 - B I, II dan III sahaja.
 - C II, III dan IV sahaja.
 - D I, III dan IV sahaja.

S5 *Sigmund Freud* telah membahagi peses perkembangan kepada lima peringkat kelas umur seperti berikut, kecuali dua daripadanya adalah salah.

- I Peringkat Oral.
(Kanak-kanak mencapai kepuasan daripada aktiviti oral).
 - II Peringkat Awal.
(Pengawalan diri dari segi tingkah laku dicapai).
 - III Peringkat Luaran.
(Tidak meminati pentingnya berkawan).
 - IV Peringkat Pendalam.(Sudah perihatin terhadap rakan sebaya, di mana berlaku juga peralihan kasih kepada orang lain bukannya keluarga).
-
- A I dan II sahaja
 - B I dan III sahaja
 - C III dan IV sahaja
 - D II dan III sahaja

Untuk soalan 6 hingga 10

Sesuaikan kenyatan berikut dengan kaedah kajian psikologi yang disenaraikan.

- A. Ia bergantung kepada pembinaan semula biografi subjek juga kepada peristiwa relevan, ingatan dan rekod yang dikaji. Kajian mungkin tidak berapa tepat kerana subjek yang dikaji tidak dapat mengumpul semula ingatan masa lalu.
- B. Ia boleh digunakan untuk menganalisis keputusan yang didapati daripada sesuatu kajian. Kaedah ini menerangkan perkaitan antara satu faktor dengan faktor yang lain dan lazimnya mudah dikawal.
- C. Ia boleh dilakukan di dalam atau di luar makmal. Penyelidik biasanya akan mengawal maklumat penting untuk melihat hubungan di antara faktor-faktor dalam sesuatu kajian.
- D. Ia boleh dilakukan di dalam atau di luar makmal. Dalam kaedah ini pemerhati akan melihat tanpa melibatkan diri dan tingkah laku yang berlaku ke atas subjek.
- E. Kaedah ini lazimnya digunakan untuk mengkaji dan membuat hipotesis tingkah laku orang yang dikaji. Tingkah laku tersebut akan dikaji pula dengan menggunakan kaedah eksperimen.

S6	Kaedah eksperimen	A	B	C	D	E
S7	Kaedah klinikal	A	B	C	D	E
S8	Kaedah perangkaan atau kolerasi	A	B	C	D	E
S9	Kaedah kajian kes sejarah	A	B	C	D	E
S10	Kaedah pemerhatian atau tinjauan	A	B	C	D	E

Untuk soalan 11 hingga 15

Sesuaikan kenyatan berikut dengan aspek-aspek perkembangan yang disenaraikan.

- A. Otot mata sudah matang untuk membaca.
- B. Boleh membentuk konsep yang mudah.
- C. Mula ada perasaan cemburu dan iri hati.
- D. Boleh meniru dan menyebut ayat yang mudah.
- E. Hanya suka bergaul dengan rakan sebaya.

S11	Aspek Emosi	A	B	C	D	E
S12	Aspek Perkembangan Sosial	A	B	C	D	E
S13	Aspek Perkembangan Mental	A	B	C	D	E
S14	Aspek Perkembangan Psikomotor	A	B	C	D	E
S15	Aspek Perkembangan Bahasa	A	B	C	D	E

Untuk soalan 16 hingga 20

Bagi memperolehi pengetahuan tentang tingkahlaku manusia, pelbagai jenis pendekatan telah digunakan oleh ahli-ahli psikologi. Sesuaikan pendekatan-pendekatan tersebut dengan kenyataan yang disenaraikan.

- A Pendekatan Behaviorisme.
- B Pendekatan Kognitif.
- C Pendekatan Humanis.
- D Pendekatan Psikoanalitik.
- E Pendekatan Neurobiologi.

S16	Pendekatan ini tertumpu pada perkara yang berlaku di dalam diri seseorang individu seperti perasaan atau emosinya, cara fizikal, pengamatan serta interpretasi seseorang individu tentang kejadian atau satu-satu peristiwa.	A	B	C	D	E
S17	Pendekatan ini menekankan kepada proses-proses mental dalaman. Segala penerimaan maklumat diproses melalui pemilihan, perbandingan dan penyataan dengan maklumat lain yang sedia ada dalam ingatan dan seterusnya diubah dan disusun semula.	A	B	C	D	E
S18	Dipelopori oleh <i>Segmund Frued</i> , konsepnya berdasarkan kajian secara individu dan bukannya melalui kajian eksperimen.	A	B	C	D	E
S19	Pendekatan ini di pelopori oleh <i>John B. Watson</i> , menurut beliau kajian psikologi, hendaklah berdasarkan sesuatu yang boleh dilihat secara nyata seperti tingkahlaku manusia.	A	B	C	D	E
S20	Pendekatan ini cuba mengaitkan tingkahlaku manusia dengan kejadian dalam otak dan sistem saraf manusia.	A	B	C	D	E

(20 Markah)

BAHAGIAN B

Arahan: Jawab **semua** soalan dalam Bahagian ini dengan menanda (X) pada ruang **BETUL** atau **SALAH** untuk jawapan yang anda pilih.

SOALAN	KENYATAAN	BETUL	SALAH
S21	Naluri adalah hasil dari baka ataupun diwarisi.		
S22	Individu ekstrovert kurang mahir untuk bersosialisasi atau bercampur gaul berbanding dengan individu introvert.		
S23	Keperluan psikologi adalah terdiri daripada keperluan untuk mendapatkan makanan, tidur dan rehat serta kejantinaan.		
S24	Remaja gemar bergaul atau berkawan dengan rakan sebaya.		
S25	Peringkat remaja merupakan satu zaman peralihan dari peringkat kanak-kanak ke peringkat dewasa, berumur antara 15 tahun hingga 35 tahun.		
S26	Para remaja begitu sukar untuk menerima atau mendengar nasihat daripada orang yang lebih dewasa darinya.		
S27	Keperluan mengetahui adalah berkenaan dengan sifat ingin tahu serta keinginan untuk mendapatkan pengetahuan bagi memahami sesuatu		
S28	Remaja kadang-kadang memahami perkataan atau ayat-ayat sindiran yang digunakan oleh ibu bapa mereka.		

S29	Dari keperluan penghargaan diri dan penghargaan dari orang lain akan timbul sifat keyakinan diri, berdikari dan kebebasan jika ianya dipenuhi.		
S30	Motivasi atau pergerakan kecenderongan organisme untuk menjalankan aktiviti yang dirangsangkan oleh sesuatu insentif.		
S31	Faktor minat atau kegemaran tidak penting dalam pembentukan kumpulan rakan sebaya.		
S32	Remaja sudah dapat menguasai bahasa dengan baik sama ada dalam pertuturan atau penulisan.		
S33	Remaja membuat keputusan dengan menggunakan proses-proses kognitif yang asasnya sama seperti orang dewasa.		
S34	Guru dapat mengenalpasti kebolehan mental-emosi kanak-kanak berdasarkan cepat atau lambatnya mereka menyelesaikan sesuatu masalah yang diberi.		
S35	Mengikut <i>Lewis M. Terman</i> darjah kecerdasan di kalangan populasi kanak-kanak bergeliga ialah antara 120 hingga 139.		
S36	Kanak-kanak yang datang dari kelas sosial yang tinggi memandang rendah terhadap kanak-kanak miskin kerana tidak mempunyai gaya hidup secukup dengan kehendak sosial mereka.		
S37	Naluri merupakan kuasa semulajadi biologi yang mendorong sesuatu organisme untuk bertindak mengikut satu-satu cara.		

S38	Sikap dan tingkah laku kanak-kanak lelaki dan perempuan adalah sama.		
S39	Remaja ingin hidup berdikari dan ingin hidup bujang bersama rakan-rakan.		
S40	Remaja tidak suka menghadapi risiko.		
S41	Rakan sebaya adalah lebih penting dari keluarga bagi remaja.		
S42	Perbezaan dari segi umur dan saiz fizikal di dalam sesebuah kelompok permainan menyebabkan kanak-kanak mudah bertengkar sesama sendiri.		
S43	Keperluan keselamatan wujud melalui sistem perundangan dalam masyarakat. Ini boleh memenuhi dari segi keperluan ketenteraman, kebebasan, kedamaian dan perlindungan.		
S44	Kanak-kanak perempuan telah menunjukkan sifat-sifat kewanitaan pada usia 14 tahun.		
S45	Kecerdasan ialah keupayaan seseorang dalam melibatkan berbagai-bagai aktiviti kognitif seperti persepsi, penyimpanan dan penemuan kembali ingatan, penaakulan, penyelesaian masalah dan kreativiti.		
S46	Sekiranya keperluan penghargaan tidak dipenuhi maka akan timbulah perasaan tinggi diri dan berkeyakinan pada individu tersebut.		

S47	Setiap tingkahlaku yang wujud daripada naluri adalah tidak sama bagi semua spesis.		
S48	Remaja lelaki selalunya pemalu.		
S49	Remaja perempuan yang berumur 17 tahun boleh dikatakan telah mencapai kematangan dari segi ketinggian dan kepadatan saiz tulangnya.		
S50	Remaja perempuan selalu bercakap dengan meninggikan suara bagi menarik perhatian orang lain.		
S51	Remaja perempuan suka dikongkong.		
S52	Seseorang dianggap cerdas apabila kebolehan mentalnya lebih kurang sama dengan kawan-kawan sama umur dengannya.		
S53	Remaja lelaki mencapai ketinggian yang maksimum pada usia 18 tahun.		
S54	Minat seseorang untuk membaca mungkin dipengaruhi oleh amalan ibu bapa ataupun timbul dari dalam diri individu itu sendiri.		
S55	Rakan sebaya bermaksud suatu kelompok kanak-kanak atau remaja yang sama umur atau peringkat perkembangan.		
S56	Kebolehan untuk mengawal emosi dan bertoleransi adalah sama dari seorang individu dengan individu lain.		

S57	Jurang perbezaan mental-emosi kanak-kanak semakin ketara apabila mereka berada di sekolah rendah.		
S58	Bakat adalah kebolehan semula jadi dan sama dari seorang individu dengan individu lain.		
S59	Kecerdasan adalah berkait rapat dengan keadaan sedar dan aksi seseorang individu.		
S60	Mengikut <i>Lewis M.Terman</i> , untuk mengukur <i>IQ</i> , Umur Akal dibahagikan dengan Umur Kronologi dan didharab dengan 100.		

(40 Markah)